

**NO. SOALAN: 411**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**RUJUKAN : 8747**

**SOALAN :**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah penagih dadah yang menjalani pemulihan di pusat serenti dan penagih dadah yang menjalani rawatan pemulihan yang ada di luar pusat serenti. Berapakan jumlah perbelanjaan Kerajaan 10 tahun kebelakangan ini untuk membanteras penagihan dadah dan merawat serta memulih penagih dadah.**

## **JAWAPAN**

**Jumlah penagih dadah yang telah menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang dikenali sebagai *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) pada tahun 2015 adalah seramai 6,284 orang.**

**Secara keseluruhannya, jumlah klien yang mengikuti rawatan dan pemulihan di luar pusat pemulihan, iaitu menjalani pemulihan dalam komuniti pada tahun 2015 adalah seramai 46,139 orang klien.**

**Secara puratanya, rawatan pemulihan seorang penagih memerlukan peruntukan kewangan sebanyak RM 35.00 sehari. Pada 10 tahun kebelakangan ini, sebanyak RM 2,878,109,281.00 telah dibelanjakan oleh AADK untuk program-program pengurusan, pembangunan dan program khusus yang berkaitan dengan pencegahan, rawatan, pemulihan dan penguatkuasaan penyalahgunaan dadah.**

<sup>412</sup>  
**SOALAN NO.: 421**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**KAWASAN : KOTA RAJA**

**SOALAN:**

**YB. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-**

- (a) jumlah rumah atau penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk pembinaan WCE (Lebuhraya Pantai Barat) di kawasan Kota Raja dan berapakah jumlah kos pengambilan tanah-tanah tersebut; dan
- (b) bilakah projek naik taraf jalan Bukit Kemuning dan Jalan Kebun akan dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat sebanyak 61 lot tanah yang terlibat dengan proses pengambilan tanah bagi pelaksanaan projek Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) di kawasan Kota Raja, Klang. Lot-lot terlibat itu telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui warta No.3817 bertarikh 8 Oktober 2015. Pada masa kini status pengambilan tanah tersebut masih dalam peringkat siasatan tanah oleh Pejabat Tanah dan Daerah Klang. Manakala kos pengambilan tanah terlibat akan ditentukan menerusi proses perbicaraan oleh pihak Pentadbir Tanah.
- (b) Mengenai Projek Menaik taraf Jalan Dari Bulatan Bukit Kemuning ke Persimpangan Taman Sri Muda pula – iaitu termasuk skop menaik taraf bulatan Jalan Kebun/Jalan Bukit Kemuning – untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek dengan anggaran kos sebanyak RM200 juta itu telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat untuk dilaksanakan dalam Rolling Plan Pertama (2016 – 2017), RMKe-11 tetapi ia tidak diluluskan. Sehubungan itu kementerian ini akan memohon semula projek tersebut dalam Rolling Plan Kedua (2018 – 2019), RMKe-11.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. HAJAH SITI MARIAH  
BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]**

**SOALAN : 413**

**YB Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci jumlah peruntukan yang diperlukan ke kawasan Kota Raja melalui Jabatan Pembangunan Pusat di Selangor atau ICU atau mana-mana agensi pusat yang lain dari tahun 2013 dan 2015. Nyatakan juga projek-projek atau program-program atau pertubuhan-pertubuhan yang telah mendapat peruntukan-peruntukan tersebut dan nilai setiap satu.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan 18 projek khusus untuk dilaksanakan di Parlimen Kota Raja dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Sebanyak RM26.01 juta telah diperuntukkan di bawah *Rolling Plan Ketiga* (2013-2014), RM22.06 juta telah diperuntukkan di bawah *Rolling Plan Keempat* (2014-2015) dan RM9.08 juta diperuntukkan di bawah *Rolling Plan Kelima* (2015).

Sekian. Terima kasih.